

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM

TARIKH: 17 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelaksanaan gaji minima. Berapakah syarikat swasta atau bidang apakah yang terlibat. Apakah terdapat kekakangan didalam pelaksanaan gaji minima. Apakah pihak Kementerian mempunyai mekanisme pemantauan ke atas syarikat-syarikat yang terlibat didalam pelaksanaan gaji minima tersebut.

PR-1323-L65177

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sedang mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun dan kajian semula ini sedang dimuktamadkan oleh MPGN.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setakat 30 September 2014 jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut:

- (i) jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 29,231 dan daripada jumlah tersebut didapati 517 (2%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.
- (ii) Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difaikan adalah sebanyak 895 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 193 (22%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 702 (78%) masih dalam tindakan pegawai.
- (iii) Berkenaan dengan tindakan pendakwaan sebanyak 87 kertas pendakwaan telah dibuka dan dari jumlah ini 39 (45%) telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, antara kekangan yang dihadapi pihak Kementerian dalam melaksanakan penguatkuasaan gaji minimum ini adalah seperti berikut:

- (i) jumlah pegawai yang sedikit berbanding tugas yang semakin besar. Buat masa sekarang, pihak JTK seluruh Malaysia hanya mempunyai 575 pegawai bagi melaksanakan tugas pemantauan dan pemeriksaan perburuhan; dan
 - (ii) para pegawai sedia ada ini turut bertanggungjawab melaksanakan tugas di bawah Akta Kerja 1955, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Pampasan Pekerjaan 1952, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1966, Akta Umur Persaraan Minimum 2012 dan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyaludupan Migran 2007.
4. Namun bagi menjamin hak para pekerja di negara terpelihara, JTK tetap melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin dengan menggunakan sumber sedia ada.
5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi memantau pelaksanaan gaji minimum, antara mekanisme yang digunakan oleh JTK adalah melalui penubuhan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) yang berpusat di JTK Pusat Putrajaya. Peranan pasukan ini adalah membuat pemeriksaan mengejut berhubung pelaksanaan gaji minimum ke atas premis-premis dan mengambil tindakan sewajarnya. Antara operasi yang dijalankan dibawah PKP ini adalah Ops Gaji dan Ops Jerit yang mana kedua-dua operasi ini banyak membantu aktiviti penguatkuasaan.